

22/10/2003

Penghayatan sejarah elak penjajahan baru

PENGHAYATAN sejarah penting bagi masyarakat Melayu untuk memastikan bangsa itu tidak lagi dijajah kuasa asing seperti yang dilalui selama 450 tahun sebelum mencapai kemerdekaan.

Prof Dr Nik Anuar Nik Mahmud dari Pusat Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sering mengingatkan bangsa itu bahawa punca utama keruntuhan kerajaan Melayu Melaka dan juga kerajaan Melayu lain adalah disebabkan gejala perpecahan.

"Dengan mempelajari dan menghayati sejarah itu, bangsa Melayu akan insaf dan mengelakkan daripada melakukan kesilapan yang akan menjuruskan mereka dalam lembah kehinaan dan kedaifan seperti yang pernah dialami oleh nenek moyang mereka sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Sejarah dan Bangsa Melayu dari Sudut Pemikiran Dr Mahathir' pada Seminar Dr Mahathir Pemikir Islam Abad ke-21 di Dewan Serbaguna Institut Tadbiran Islam (INTIM) di sini, semalam.

Katanya, Perdana Menteri juga sentiasa memastikan generasi baru yang lahir dan dibesarkan dalam era pembangunan material supaya tidak melupakan sejarah perjuangan.

"Pada Dr Mahathir, sekiranya orang Melayu tidak banyak belajar daripada sejarah, orang Melayu akan kembali menjadi hina seperti ketika zaman penjajahan British dulu," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam UKM, Prof Madya Dr Faisal Othman ketika membentangkan kertas kerjanya berkata, bangsa Melayu sedar hanya melalui kesepakatan kuasa antara Melayu Islam dan Bumiputera, kaum Cina dan India saja, Semenanjung Tanah Melayu boleh mencapai kemerdekaan daripada kerajaan British.

Melalui perkongsian kuasa itu, kaum Cina dan India mesti menerima hak Raja-Raja Melayu, agama Islam sebagai agama rasmi negara dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di samping hak keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera.

Malah melalui perkongsian kuasa ini, bangsa Melayu Islam sedia berkongsi kuasa dengan bangsa Cina dan India serta memberi hak kerakyatan kepada bukan Melayu dan bebas mengamalkan agama mereka dan memelihara bahasa ibunda mereka.

"Justeru, Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri keempat terus berpegang kepada prinsip perkongsian kuasa politik dan mempertahankannya," katanya.